

Seni silat disyor jadi kokurikulum

ILMU bela diri atau ilmu silat memang tidak asing lagi bagi kita orang Melayu. Ini adalah kerana pusaka peninggalan nene moyang ini telah diwarisi sejak turun-temurun sehingga ke hari ini.

Menyedari betapa pentingnya ilmu bela diri ini dipelajari, maka telah lahir beberapa persatuan silat. Misalnya, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Persatuan Seni Silat Lincah Malaysia, Persatuan Seni Silat Gayung dan lain-lain lagi yang ditubuhkan khas untuk memberi pelajaran di samping dapat memelihara pusaka warisan nene moyang.

Sebenarnya, keinginan untuk mempelajari ilmu bela diri ini telah memuncak di kalangan orang Melayu dewasa ini, berbanding dengan zaman-zaman 60-an dan 70-an. Keadaan ini jelas dapat dilihat dengan bertambahnya bilangan ahli-ahli persatuan setiap tahun.

17 OCT 1986
Dewasa

Mungkin dengan berkembangnya minat atau sambutan yang diberikan terhadap ilmu bela diri yang berasal dari Korea, Jepun atau negara-negara lain telah menimbulkan semacam satu semangat di kalangan pendukung-pendukung silat yang selama ini hanya menjalankan kegiatan secara kecil untuk berusaha lebih keras supaya seni silat Melayu juga dapat bersaing dengan persatuan-persatuan ilmu bela diri yang lain.

Tulisan ini bukanlah untuk menerangkan perkembangan seni silat tetapi akan cuba untuk menjelaskan prospek ilmu silat ini diajarkan di sekolah-sekolah terutam-

ma di sekolah menengah atas, khususnya, bagi tingkatan empat, lima dan enam. **B. Heran**

Perkara ini ingin saya utarakan kerana semangat yang memuncak untuk menghidupkan kembali ilmu silat ini bukan saja melanda golongan dewasa tetapi juga kebanyakan daripada ahli-ahli yang menganggotai persatuan-persatuan silat terdiri daripada kalangan murid-murid sekolah.

Rasanya daripada mereka belajar ilmu-ilmu yang tidak diketahui buruk baiknya, adalah lebih baik jika kita menyediakan satu sukanan silat yang telah dikenal pasti dan kita sogokan kepada murid-murid ini. Jadi kejadian-kejadian seperti meminum racun lalang, 'salah bawa' atau sebagainya tidak timbul.

Satu ciri yang sangat berharga yang terdapat di dalam ilmu silat ialah keyakinan diri. Satu asas yang ditekankan dalam pelajaran silat ia ah keberanian dan keyakinan. Dengan sifat ini perasaan gementar dan takut akan 'lepas' dihilangkan malah dengan keyakinan dan keberanian seseorang akan menjadi aktif dan cergas dalam pelbagai hal.

Dalam tinjauan yang dilakukan ke atas salah sebuah pusat pengajian tinggi tempatan, saya mendapat mereka-mereka yang cergas berpersatuan atau bersukan adalah mereka-mereka yang pernah belajar ilmu silat. **MOH. RAZAK**

Mereka bertindak dengan yakin dan optimis tanpa merasa takut dan teragak-agak. Memang tidak saya nafikan ada juga mereka yang tidak belajar silat tapi guat, apa yang hendak saya tekankan di sini adalah sifat keyakinan kepada diri sendiri itu boleh diperolehi dengan belajar silat.

Pelajaran silat juga boleh menggantikan pelajaran pendidikan jasmani kerana pelajaran silat juga memerlukan gerakan-gerakan yang mengeluarkan peluh dan sekaligus menyihatkan badan.

Gerakan-gerakan dan senaman yang dilakukan terbukti boleh me-longgarkan otot yang tegang dan juga boleh meringankan tekanan fikiran yang disebabkan oleh pelajaran, tugas kerja dan lain-lain.

Pelajaran silat juga menitikberatkan soal tatatertib dan disiplin diri. Sejauh yang saya tahu tidak ada mana-mana persatuan silat pun yang tidak memberi perhatian mengenai ini. Malahan semuanya menekankan konsep-konsep tatatertib dan disiplin.

Misalnya, kita selalu dengar 'Biar menjadi padi, semakin tunduk semakin berisi' atau 'Jangan menjadi tin kosong' atau 'Ikutlah resmi ubi diam-diam berisi' dan lain-lain.

Berniat

Jadi tidak ada sebab atau tidak berasas sama sekali jika ada yang berpendapat dengan belajar silat ia boleh menjadi bongkah dan menjadi samsing.

Malah jika kita tanya budak-budak nakal yang bertindak liar itu kita akan mendapat sebahagian besar daripada mereka tidak pernah belajar silat secara langsung.

Melainkan dengan meriu-niru atau hanya dengan menonton filem terutamanya filem Kung Fu.

Kalau kita kaji dan kita teliti, pelajaran-pelajaran silat juga secara tidak langsung menggalakkan semangat kerjasama dan bertanggungjawab di antara sesama ahli dan juga masyarakat keliling.

Perasaan hormatkan guru dan ibu bapa juga sangat ditekankan dalam pelajaran silat. Jadi

guru-guru tidak perlu takut kalau murid-muridnya nanti tidak makan saman. Kerana perkara ini diambil kira oleh tata tertib pelajaran silat.

Perlu diingat, bahawa mereka yang berniat untuk mempelajari silat adalah pelbagai golongan termasuk mereka yang berniat baik atau jahat pada mulanya.

Jadi ciri utama dalam pemilihan jenis silat yang akan diajarkan itu, mestilah silat itu boleh membentuk atau boleh memproses mereka yang rendah akhlaknya untuk menjadi insan yang mulia.

Matlamat ini hanya dapat dicapai dengan memilih silat yang memberikan proses sosialisasi yang baik sahaja.

Misalnya, yang menekankan kerendahan diri, ketakwaan dan sikap bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat.

Apabila ciri-ciri kerendahan diri ini wujud di dalam jiwa murid-murid sekolah, maka ia adalah sesuatu yang amat berkesan sebagai alat pengawal agar murid berkenaan tidak terjerumus di dalam perbuatan yang tidak berfaedah dan membazir.

Ancaman

Kita sedia maklum, alat pengawal yang berkesan itu adalah kesedaran yang wujud di dalam diri seseorang bukannya undang-undang yang ketat seperti mana yang diamalkan sekarang.

Jadi usaha kerajaan untuk membanteras penagihan dadah di kalangan murid-murid sekolah akan menjadi lebih mudah.

Ancaman-ancaman luar seperti ugutan, kejadian pukul-memukul, rogol dan sebagainya mungkin dapat dibanteras dengan adanya pengetahuan ilmu silat di kalangan murid-murid sekolah.

17 OCT 1986
Jadi pelajar-pelajar,

khususnya, pelajar perempuan tidak lagi berasa bimbang untuk datang ke sekolah awal pagi dan juga tidak berasa ragu-ragu untuk balik lewat senja jika keadaan memaksa. Maka bukankah ini yang kita inginkan selama ini?

Kalau kita tengok di Jepun, Korea dan beberapa negara Barat, mereka telah lama menyadari akan kepentingan ilmu bela diri ini. Kelas-kelas tae kwando, judo, karate, dan bermacam-macam lagi dibuka di merata-rata tempat.

Bukan saja di pusat-pusat pengajian, di kilang-kilang malah di jabatan-jabatan kerajaan.

Dengan sebab itulah ilmu bela diri dari Jepun atau Korea sama maju dengan kepesatan teknologi mereka. Apa tidaknya, kalau kereta Jepun telah menembusi pasaran di Amerika Syarikat begitulah juga dengan ilmu karate mereka.

B. Haran (M) Tinggi

Mungkin kita akan bertanya mengapakah atau bolehkan ilmu silat kita berkembang seperti ilmu bela diri dari Jepun atau Korea.

Jawapannya terpulanglah kepada diri kita sendiri.

Mungkin ada golongan yang mengatakan adalah lebih baik jika ilmu silat kita tidak berkembang ke peringkat antarabangsa kerana sekurang-kurangnya kita mempunyai sesuatu yang boleh dibanggakan yang tidak ada pada orang lain.

Tetapi mungkin juga ada di kalangan kita yang bercita-cita tinggi yang ingin melihat ilmu silat maju dan dipelajari oleh semua lapisan masyarakat.

Walaupun begitu silat hanya dapat menjadi saluran pendidikan secara wajar sekiranya ia didukung atau dipimpin oleh mereka yang mempunyai asas dan latar belakang pendidikan dan agama. Sekiranya tidak, silat tidak dapat memberikan sumbangan yang baik malah silat sebaliknya akan menjadi satu saluran memproses anggota-anggota masyarakat yang tidak diingini dan amat berbahaya sekali.

Jangan pula anda merasa hairan jika ada

orang yang akan mengalihkan pandangannya atau memasamkan mukanya ataupun terus meninggalkan anda bila anda bercerita mengenai silat.

17 OCT 1986

Hal ini memang biasa terjadi kerana setengah daripada masyarakat kita memandang serong dan jijik terhadap silat. Mengapa keadaan demikian boleh berlaku?

Hal yang demikian boleh berlaku disebabkan ada unsur-unsur kurafat, ilmu-ilmu batin yang batil dan pelbagai amalan yang bercanggah dengan agama di dalam alam persilatan.

B. Haran (M)

Orang ramai menghindar diri daripada silat kerana takut menjadi sesat, takut pada dugaan atau menjadi tidak waras sekiranya ada beberapa ajaran yang disalah bawa, kononnya.

Maka di sinilah pentingnya pemilihan jenis silat yang bakal diajarkan di sekolah-sekolah.

Silat, seperti juga pelajaran-pelajaran lain boleh disusun dan diubah suai mengikut keperluan semasa dan mengikut keadaan. Untuk menjadikan silat sebagai satu sistem pendidikan tidaklah mudah seperti memberikan pendidikan sains komputer. Namun ia juga tidaklah serumit mengajar anak-anak berbahasa Arab.

Jadi tidak mustahil jika ilmu silat ini boleh menjadi satu mata pelajaran seperti juga ilmu pengakap, ilmu pertolongan cemas, ilmu kadet dan mata pelajaran lain yang diajar dalam kegiatan kokurikulum.

Malah saya rasa ia adalah lebih berfaedah daripada mengadakan kelas tari-menari yang memakan belanja yang banyak.

Perlulah diingat silat juga adalah salah satu budaya yang harus dikalkan dan dipelajari oleh masyarakat, khususnya, kita orang Melayu.

Masalah pengagihan masa iaitu masa untuk pelajaran dan masa untuk bersilat tidaklah menyulitkan. Kerana pelajaran silat ini boleh diadakan pada hari Sabtu (seperti pelajaran kadet) atau juga boleh diadakan pada petang hari.

Supaya pelajaran murid-murid tidak akan terganggu kerana pelajaran silat ini hanya memakan masa tiga hingga empat jam seminggu. Lagipun telah terbukti, pelajaran silat boleh berjaya dengan cemerlangnya di maktab-maktab perguruan, Maktab Rendah Sains Mara ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi.

Bagaimanapun, pihak sekolah hendaklah mengatur jadual dengan baik supaya murid-murid dapat membahagikan masa mereka dengan lebih teratur. Jadi masalah pembaziran masa, kecuaian dan sebagainya tidak boleh dibebankan kepada pelajaran silat.

Pihak sekolah juga, khususnya, guru besar dari masa ke masa mestil memastikan supaya hanya unsur yang baik sahaja diajarkan kepada murid-murid.

Sebenarnya, pelajaran silat ini haruslah berada di bawah kawalan guru besar atau pihak berkuasa sekolah dan segala sukan pelajaran silat ini harus diambil tahu dan dirakamkan.

17 OCT 1986

Dengan cara ini unsur-unsur yang tidak dikehendaki yang ada di dalam silat tidak akan dapat mempengaruhi pelajar-pelajar.

Adalah jelas bahawa ilmu silat boleh diajar di sekolah-sekolah malah akan memberikan pelbagai faedah.

Di samping dapat memberikan pelajaran ilmu bela diri, kita juga dapat memelihara pusa-kabangsa yang kian puspas dan kian dilupai, khasnya, oleh masyarakat kita sendiri.

B. Haran (M)

Walaupun begitu silat hanya boleh diajar dengan berkesan jika ada kawalan yang khusus oleh pihak sekolah.